



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MAGIC OF THE NIGHT 2016

14 bot berhias berlayar sepanjang 9 malam di Tasik Putrajaya

PUTRAJAYA, 26 Mei 2016 – *Magic of the Night* (MOTN), atau Keajaiban Malam, kembali pada tahun ini dengan 14 bot berhias bakal berlayar sepanjang 9 malam di Tasik Putrajaya bermula malam esok.

Menampilkan konsep *Retro Magic*, MOTN 2016 pada kali ini memaparkan suasana retro bagi hiasan bot-bot tersebut yang sekaligus mengembalikan zaman kegemilangan 60an hinggalah era 90an.

Acara anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) yang memasuki tahun ke-6 penganjurannya ini diadakan serentak dengan Floria Diraja Putrajaya, bermula 27 Mei hingga 4 Jun 2016, di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Penyertaan bot berhias kali ini terdiri daripada semua negeri Malaysia kecuali Perlis, WP Labuan dan WP Kuala Lumpur serta bot Tourism Malaysia dan Perbadanan Putrajaya. Bot-bot berhias ini juga bertanding merebut beberapa gelaran iaitu Flotilla Keseluruhan Terbaik, Flotilla Paling Kreatif, Flotilla Hiasan Lampu Terbaik dan Flotilla Paling Popular yang dipilih melalui pengundian awam.

NEGERI	ORGANISASI
1. Negeri Sembilan	13. Perbadanan Putrajaya
2. Perak	14. Tourism Malaysia
3. Selangor	
4. Terengganu	
5. Pulau Pinang	
6. Johor	
7. Kedah	
8. Kelantan	
9. Melaka	
10. Pahang	
11. Sabah	
12. Sarawak	

Orang ramai boleh mengundi flotilla pilihan mereka untuk kategori Flotilla Paling Popular melalui kotak-kotak undian yang akan disediakan di tapak acara tersebut nanti dan juga melalui Facebook MOTAC <https://www.facebook.com/mymotac> mulai 28 Mei 2016 (Sabtu) hingga jam 12.00 tengahari 4 Jun 2016 (Sabtu).

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Tel : 03-88918000 Rasmi: malaysia.travel; Korporat: tourism.gov.my

Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: blog.tourism.gov.my



MOTAC juga menganjurkan Pertandingan Fotografi MOTN 2016 yang hanya dibuka selama 4 hari sahaja, bermula 27 Mei 2016 hingga 31 Mei 2016. Borang dan syarat penyertaan boleh didapati di www.motac.gov.my/motn16 manakala pemenang akan diumumkan pada 3 Jun 2016 (Jumaat).

Hadiah yang ditawarkan bagi Pertandingan Fotografi MOTN 2016 adalah :

HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI MOTN 2016
Pemenang Pertama RM1,000
Tempat Kedua RM800
Tempat Ketiga RM600
Saguhati (5 pemenang) RM300

Foto dan borang penyertaan boleh dihantar melalui serahan tangan atau dalam bentuk CD di lokasi acara MOTN 2016, bermula jam 8.30 malam hingga 11.00 malam pada 31 Mei 2016.

Perarakan flotilla berhias MOTN 2016 akan bermula pada jam 9.00 malam hingga 10.00 malam setiap hari sepanjang tempoh penganjuran acara ini dan flotilla tersebut akan berlabuh sehingga jam 11.00 malam bagi memberi peluang orang ramai bergambar.

MOTN 2016 akan dirasmikan pada 27 Mei 2016 (Jumaat) oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Tel: 603-8000 8000.Emel: info@motac.gov.my atau layari www.motac.gov.my

-TAMAT-

Untuk mendapatkan siaran media, media info dan artikel berkaitan industri pelancongan di Malaysia, sila lawati Pusat Media di laman web Tourism Malaysia di <http://www.tourismmalaysia.gov.my/>.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ATAU TOURISM MALAYSIA ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Tourism Malaysia bertanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia di semua peringkat. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah membangun dengan pesatnya dan telah

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya
Tel : 03-88918000 Rasmi: malaysia.travel; Korporat: tourism.gov.my
Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: blog.tourism.gov.my



muncul sebagai pemain utama dalam dunia pelancongan antarabangsa. Pada 2015, Malaysia telah mencatatkan kedatangan seramai 25.7 juta orang pelancong asing dengan pendapatan pelancong sebanyak RM69.1 bilion sekaligus menjadikan pelancongan sebagai penyumbang kedua terbesar negara menerusi tukaran mata wang asing.

Melalui NKEA, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mempertingkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta untuk memantapkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancong antarabangsa yang terkemuka dan seterusnya menjadi pemacu ke arah mencapai sasaran ketibaan seramai 36 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM168 bilion pada 2020.

Sasaran yang telah ditetapkan di bawah NKEA Pelancongan akan tercapai melalui pelaksanaan 12 Projek Permulaan (EPPs) yang merangkumi lima tema: Kembara Mewah Mampu Milik; Kembara Alam Semula Jadi; Keronokan Seisi Keluarga; Acara, Hiburan, Spa dan Sukan; dan Pelancongan Perniagaan.

Hubungi

Unit Media dan Publisiti

Shukri Hanafiah, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8767

Emel: shukrihanafiah@tourism.gov.my

Unit Editorial:

Puan Anis Rozalina Ramli, Senior Editor, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8759

Emel: anisramli@tourism.gov.my

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Tel : 03-88918000 Rasmi: malaysia.travel; Korporat: tourism.gov.my

Facebook: [friendofmalaysia](https://www.facebook.com/friendofmalaysia); Twitter: [tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); Blog: blog.tourism.gov.my